

LAPORAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN UTeM



UNIVERSITI
TEKNIKAL
MALAYSIA
MELAKA

UTeM

اونیورسیتی تیکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

TAHUN

2006



LAPORAN TAHUNAN 2006 PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LATARBELAKANG

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mula memberikan perkhidmatan kepada pengguna pada 10 Jun 2001. Perpustakaan ini berpindah ke Kampus Industri CUBIC pada 5 September 2005 dan mula memberikan semula perkhidmatan kepada warga kampus mulai 12 September 2006. Keluasan lantai Perpustakaan ini berjumlah 2,229 meter persegi manakala Perpustakaan cawangan di Kampus Tetap Durian Tunggal pula berkeluasan 432 meter persegi bagi menampung keperluan bahan dan maklumat untuk pelajar dan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK).



Perpustakaan Kampus Industri Ayer Keroh



Perpustakaan Kampus Tetap Durian Tunggal

(FKE)

SUMBER MANUSIA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Perpustakaan UTeM mempunyai seramai 40 orang staf dalam pelbagai kategori sehingga Disember 2006 yang terdiri daripada :

JAWATAN	BILANGAN
Ketua Pustakawan*	1
Timbalan Ketua Pustakawan	1
Pustakawan	8
Penolong Pendaftar	1
Pembantu Tadbir (K)	1
Pembantu Tadbir (P/O)	2
Pembantu Perpustakaan	23
Juruteknik	1
Jurutaip	1
Pembantu Am Pejabat	2
JUMLAH	40

*Dipinjamkan sementara ke Penerbit Universiti.

KOLEKSI

Perpustakaan meneruskan usaha untuk mengukuhkan koleksinya melalui pembelian, hadiah dan pertukaran. Sebanyak 5,136 judul/7,389 naskah bahan telah berjaya diperolehi pada tahun ini dalam pelbagai bidang dan bentuk antaranya seperti buku, majalah dan CD-ROM. Sehingga akhir tahun 2006, jumlah koleksi Perpustakaan adalah berjumlah 30,529 judul/41,358 naskah berbanding 25,009 judul/32,778 naskah pada tahun 2005 dengan pecahan koleksi bahan bercetak berjumlah 26,527 judul/36,364 naskah dan bahan bukan bercetak berjumlah 4,002 judul/4,994 naskah. Perpustakaan juga telah melanggan 1 judul baru Pangkalan Data Luar iaitu *Ebrary (Academic Complete)* dan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 3 Pangkalan Data Tempatan dan 8 Pangkalan Data Luar.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Perpustakaan telah menggunakan sistem *Integrated Library Management Utility (ILMU)* untuk tujuan sirkulasi. Melalui sistem ini, segala urusan peminjaman dan pemulangan bahan di kaunter, pembaharuan tarikh pulang dan tempahan bahan dapat dilakukan dengan mudah, cepat dan cekap.



Penggunaan sistem ILMU dan pad reader RFID di kaunter Sirkulasi

Pada 15 Februari 2006, Perpustakaan telah memulakan kerja-kerja meningkatkan ciri-ciri keselamatan melalui pendekatan teknologi *Radio Frequency Identification (RFID)* dengan menampal tag RFID pada bahan-bahan Perpustakaan dan pemasangan pintu keselamatan bersistem di Perpustakaan Kampus Industri Ayer Keroh Kampus Tetap Durian Tunggal bagi memastikan bahan-bahan Perpustakaan terkawal selain membantu dalam urusan peminjaman dan pemulangan bahan.



Tag RFID yang ditampal pada buku



Pintu keselamatan bersistem

dan



Mesin Pinjaman Layan Diri

Perpustakaan juga telah menempatkan sebuah mesin pinjaman layan diri (*self check machine*) di Perpustakaan Kampus Industri Ayer Keroh yang berfungsi membantu pengguna melakukan pinjaman bahan secara layan diri,

tanpa perlu beratur di kaunter Sirkulasi.

PERKHIDMATAN

Unit Sirkulasi dan Media

Usaha untuk memantapkan lagi perkhidmatan Perpustakaan diteruskan bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan dan kemudahan yang telah disediakan. Pada 2006, jumlah keahlian Perpustakaan adalah seramai 6,990 orang berbanding 5,262 orang pada tahun 2005. Bilangan pengunjung yang mengunjungi Perpustakaan pula telah meningkat dari 28,269 orang pada tahun 2005 kepada 60,341 orang pada tahun 2006. Sepanjang tahun 2006, sebanyak 35,478 naskah bahan Perpustakaan telah dipinjam oleh pengguna berbanding 27,328 naskah pada tahun sebelumnya.

Mulai Ogos 2006, perkhidmatan sewaan loker berkunci sebanyak 182 unit telah diwujudkan dengan kadar sewaan mengikut saiz loker.

Bilangan penggunaan perkhidmatan media pula telah meningkat dari 2,630 orang pada tahun 2005 kepada 4,348 orang pada tahun 2006.

Unit Rujukan

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengguna dalam menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan, Perpustakaan juga telah menyediakan khidmat rujukan dan nasihat melalui Meja Penasihat Pengguna (MPP) kepada pengguna terutamanya untuk membantu pengguna mendapatkan maklumat



Khidmat nasihat melalui Meja Penasihat Pengguna (MPP)

atau bahan-bahan yang berada dalam dan luar Perpustakaan UTeM.

Selain itu juga, Perpustakaan telah memberikan penerangan mengenai Perpustakaan pada Minggu Haluan Siswa (MHS) dan Kelas Kemahiran Maklumat untuk pelajar Diploma, Sarjana Muda dan pensyarah yang akan melanjutkan pelajaran. Unit ini juga telah memenuhi keperluan pengguna dalam mendapatkan bahan yang tidak terdapat dalam koleksi Perpustakaan ini melalui Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP). Bilangan pengguna yang menggunakan kemudahan internet telah meningkat daripada 4,293 orang pada tahun 2005 kepada 5,552 orang pada tahun 2006.



Kemudahan Internet

Mulai November 2006, pengguna dibenarkan merujuk ke seluruh Perpustakaan IPTA dan IPTS terpilih seperti OUM, UTP, MMU dan Uniten dengan hanya membawa kad matrik pelajar/staf sahaja tanpa perlu lagi membawa surat rasmi dari Perpustakaan ini. Pada tahun 2006, sejumlah 143 permohonan merujuk ke Perpustakaan luar diterima daripada pelajar, staf akademik dan staf sokongan berbanding 208 permohonan pada tahun sebelumnya.

AKTIVITI

Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf dalam melaksanakan pasukan kerja yang lebih berkesan, beberapa aktiviti telah dilaksanakan oleh Perpustakaan seperti pada jadual di bawah :

Perkara	Aktiviti	Tarikh
Mesyuarat	Menganjur: Mesyuarat Perpustakaan Kolej-Kolej Universiti (PERKUN) Bil.1/2006, Perpustakaan KUTKM	17 Nov
Kursus	Menganjur: Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti, Riviera Bay Resort, Tanjung Kling Melaka	22-23 Dis
Bengkel	Menganjur: Bengkel Modul Katalog, Perpustakaan KUTKM	7 Jun
	Menghadiri: 1. Bengkel KPI Untuk Perpustakaan Akademik, UiTM Shah Alam	16-17 Jun
	2. Program Pembangunan dan Pengukuhan Integriti Diri dan Organisasi, Cameron Highland	23-25 Jun
	3. Bengkel Pangkalan Data Komersil 2006, Hotel Residen, Uniten	7-8 Ogos
	4. Bengkel Knowledge Management Workshop, Hotel Radius Inter., K.L	28-29 Ogos
	5. Bengkel The New Leadership Challenger	29-30 Nov

	Programme, Hotel Corus, K.L 6. Bengkel Coaching and Mentoring, Hotel Corus, K.L	5-6 Dis
Lawatan	1. Lawatan Audit Pemantauan ISO 9001:2000 2. Lawatan Kerja ke Perpustakaan UiTM, Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah	6 Feb 27 Jun
Persidangan	Menghadiri: 1. Conference on Libraries For The Future, UiTM Shah Alam 2. International Conference on Information Literacy (ICIL) 2006, Hotel Hilton, K.L 3. Seminar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia 4. Persidangan Access Dunia Sdn Bhd 2006 User Group Meeting, Ritz Carlton Hotel, K.L 5. Persidangan E-Governance Enhancement Via Knowledge Management, Hotel Crown Princess, K.L 6. Persidangan Ke-3 Peringkat Kebangsaan Pengurusan Sumber Manusia 2006, Hotel City Bayview, Langkawi 7. Seminar Perkongsian Ilmu: Pengalaman Dari IFLA, Perpustakaan Negara Malaysia	25-26 April 14-15 Jun 5 Julai 11-12 Sept 12-13 Sept 26-28 Nov 28 Nov
Pameran	Menganjur: Dalam Universiti 1. Pameran Buku – Pembekal Intra Bakti dan Koperasi UTM Berhad 2. Pameran Kesihatan: AIDS dengan kerjasama PROSTAR 3. Pameran Kesihatan: Dadah Perosak Agama, Bangsa dan Negara dengan kerjasama Agensi Anti Dadah 4. Pameran Kesihatan: Anti Tembakau dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Hospital Besar, Melaka 5. Pameran Bulan Membaca 2006 6. Pameran Bulan Kemerdekaan ke 49 7. Pameran Buku – Pembekal Leader Dimension dan Refined Contour 8. Pameran Cakerawala	27-28 Feb 1-5 Mac 3-13 April 8-14 Mei 17 Julai-10 Ogos 17 Ogos-14 Sept 28-29 Ogos 9-16 Okt
Lain-Lain	1. Tazkirah 2. Bacaan Yasin dan Tazkirah 3. Bacaan Yasin 4. Tazkirah 5. Penganjur Bersama Program Ihya Ramadhan: Ceramah Perdana dan Pengagihan Bubur Lambuk, Universiti 6. Bacaan Yasin 7. Tazkirah	24 Mac 28 Sept 5 Okt 6 Okt 13 Okt 19 Okt 20 Okt

PENCAPAIAN KESELURUHAN

BIL.	STRATEGI	TINDAKAN	PENCAPAIAN 2006
1.	Meningkatkan bilangan koleksi Perpustakaan	Melalui pembelian, hadiah dan pertukaran bahan.	Peningkatan bilangan bahan 5,136 judul/7,389 naskah kepada 30,529 judul/41,358 naskah berbanding tahun 2005.
2.	Meningkatkan program perkhidmatan pengguna	Penerbitan buku panduan Perpustakaan dan risalah-risalah perkhidmatan Perpustakaan (bercetak & web).	Berjaya menerbitkan buku panduan, 6 risalah Pangkalan Data bercetak.
		Mengadakan Program Perkhidmatan Pengguna: Kelas Kemahiran Pengguna (KKM)	472 orang pelajar Sarjana Muda dan Diploma menghadiri KKM dan 30 orang staf akademik menghadiri program Perkhidmatan Maklumat Akademik 1/2006 untuk Kursus Kaedah Penyelidikan 2006.
3.	Meningkatkan bilangan pinjaman bahan di kalangan pengguna	Makluman buku-buku terbaru, ulasan buku dalam koleksi Perpustakaan di papan kenyataan dan menerusi laman web Perpustakaan.	Peningkatan bilangan pinjaman 8,150 buku kepada 35,478 buku berbanding tahun 2005.
		Mempertingkatkan bilangan buku dalam koleksi Perpustakaan.	
		Memasarkan perkhidmatan Perpustakaan menerusi piawai perantaraan Perpustakaan.	
		Menyusun bahan dengan betul di rak agar mudah diakses dan dipinjam oleh pengguna.	
4.	Meningkatkan kemudahan IT di Perpustakaan	Meningkatkan ciri-ciri keselamatan bahan Perpustakaan.	Penggunaan tag RFID pada bahan Perpustakaan dan pemasangan pintu keselamatan bersistem.
		Meningkatkan kemudahan sistem pinjaman bahan.	Penempatan Mesin Pinjaman Layan Diri di Perpustakaan Kampus Industri.
5.	Menawarkan kemudahan/perkhidmatan/aktiviti baru kepada pengguna dari masa ke semasa	Menyediakan kemudahan sewaan loker berkunci.	182 unit telah diwujudkan dengan kadar sewaan mengikut saiz loker; besar: RM5.00/semester dan kecil: RM3.00/semester.
		Mengadakan aktiviti tayangan filem di bilik tayangan media.	Tayangan 4 filem dalam sebulan.
6.	Meningkatkan bilangan kehadiran pengguna ke Perpustakaan	Meningkatkan bilangan koleksi Perpustakaan.	Peningkatan bilangan kehadiran pengguna seramai 32,027 orang kepada 60,341 orang berbanding tahun
		Mengadakan pemeran dari masa ke semasa.	

			2005.
7.	Memindahkan data bahan yang diindeks daripada Access ke modul katalog sistem ILMU	Menjalankan kerja-kerja pemindahan data dan bahan dilekatkan dengan tag RFID.	Semua buku telah selesai disistemkan dan diaktifkan dengan tag RFID pada 31 Julai 2006.
8.	Memperolehi bahan dari proses bahan rujukan yang dicadangkan oleh pensyarah/fakulti mengikut polisi perolehan.	Mengeluarkan pesanan dan penerimaan bahan daripada pembekal.	2,796 judul/2860 naskah (80%) dari jumlah pesanan bahan diterima daripada pembekal.



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA